



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

15 Ogos 2025 / 21 Safar 1447H

Berkhidmat Kepada Insan, Peroleh Bantuan Tuhan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْإِحْسَانَ مِفْتَاحًا لِرَحْمَتِهِ، وَخِدْمَةَ الْخَلْقِ سَبِيلًا إِلَى
مَحَبَّتِهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. yang telah menciptakan kita.
Dirikan segala perintah-Nya, dan jauhi segala larangan-Nya.
Laksanakan setiap tuntutan agama dengan sempurna.
Semoga rahmat dan **bantuan** Allah sentiasa bersama kita.
Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah sekalian,

Memang benar, **manusia** boleh mendekatkan diri kepada Allah
menerusi ibadah seperti solat, mengaji dan berpuasa. Tetapi,
selain ibadah yang disebutkan tadi, adakah cara lain untuk kita
capai tujuan yang sama? Untuk menjawab soalan ini, ayuh kita
renungkan isi kandungan Surah Al-Ma'un.

Dalam surah ini, terdapat celaan bagi golongan yang mendirikan solat. Ibadah yang mereka lakukan seakan-akan tidak berguna bagi mereka. Ini kerana, selain lalai dalam urusan solat serta bersikap riyak, mereka juga melakukan satu kesalahan yang dipandang berat oleh agama – mereka tidak **membantu** golongan yang layak **dibantu**.

Allah s.w.t. berfirman dalam ayat ke-7:

وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: “*Dan mereka tidak memberi sedikit pun **bantuan** (kepada orang yang berhak mendapatkannya).*”

Saudaraku,

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa menjaga hubungan dengan Allah dan sesama **manusia** adalah tuntutan agama. Keduanya perlu ada. Seorang Muslim tidak hanya menumpukan perhatian kepada ibadah ritual, lalu menepis peluang untuk **berkhidmat** dan **membantu** orang lain. Sebaliknya, dia yakin bahawa dengan menghulurkan **bantuan** kepada **manusia**, dia juga mendekatkan diri kepada kurniaan rahmat dan pertolongan Allah s.w.t.

Soalan seterusnya: Bagaimanakah kita dapat **membantu** saudara kita? Dalam hal ini, ayuh kita pertimbangkan 3 wadah **bantuan** yang disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w., yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

Pertama: Bantuan emosi

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Barangsiapa yang meringankan kesusahan seorang Muslim di dunia, Allah akan meringankan kesusahannya pada Hari Kiamat.”*

Kita dituntut supaya bersikap prihatin terhadap saudara yang berdepan kesedihan, kegusaran, ataupun tekanan emosi. Sama ada ia orang dewasa yang bertugas, ataupun kanak-kanak yang bersekolah. Bagaimana pula dengan golongan warga emas yang tinggal bersendirian? Meniti hari dalam kesunyian? Dekatilah mereka, santunilah mereka, agar kita dapat berkongsi secebis keceriaan.

Kedua: Bantuan material

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Barangsiapa yang memudahkan urusan orang yang dalam kesempitan di dunia, Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat.”*

Ini merujuk kepada keperluan fizikal, termasuk soal kewangan. Kita harus bersedia **membantu** sekiranya mendapat maklumat bahawa seseorang telah jatuh sakit, hilang pendapatan, atau perlukan sokongan kewangan untuk membayar bil rumah, yuran sekolah, dan keperluan harian. Sekiranya kita tidak mengenali sesiapa secara khusus, hari ini, terdapat beberapa masjid yang mengadakan usaha “pantri (dapur) masyarakat”, di mana kita dapat **berkhidmat** menghulurkan sumbangan. Kita juga boleh **membantu** melalui tenaga yang dikurniakan, seperti dengan

menawarkan tempat duduk di dalam bas atau MRT, atau memberi laluan menaiki lif, kepada golongan yang lebih memerlukan.

Ketiga: Memelihara harga diri

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Barangsiapa yang menutup aib seorang Muslim di dunia, Allah akan menutup aibnya di dunia dan di akhirat.”*

Ini amat penting, terutama dengan perkembangan saluran maklumat dan media sosial pada hari ini. Ia tidak bermaksud kita harus membiarkan kesalahan terus berlaku. Sebaliknya, kita berperanan menasihati dan membetulkan dengan cara yang baik, bukan dengan menularkan kesilapan dan kepalsuan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bersamalah kita membentuk masyarakat Islam yang kukuh dalam urusan ibadah dan agamanya, serta teguh dalam budaya berbakti dan **berkhidmat** kepada umat **manusia**. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan **bantuan**-Nya kepada kita di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.